



# BAB 10 MATEMATIK PENGGUNA : PENGURUSAN KEWANGAN

jannahhalil @icebearrawrr

## PROSES PENGURUSAN KEWANGAN

- Pengurusan kewangan merujuk kepada suatu proses perancangan masa hadapan untuk memenuhi matlamat kewangan peribadi melalui perancangan dan pengurusan kewangan secara menyeluruh dan kukuh
- Pengurusan kewangan merangkumi pengurusan aliran tunai, simpanan, kredit, pelaburan dan perlindungan
- Antara kepentingan pengurusan kewangan termasuklah :
  - mengetahui kedudukan kewangan semasa
  - mengelakkan perbelanjaan berlebihan
  - mengelakkan hutang yang tidak terurus
  - mempunyai tabung yang cukup untuk mencapai matlamat peribadi



## MENETAPKAN MATLAMAT KEWANGAN

- Matlamat kewangan mestilah mengikut keutamaan dan spesifik
- Menetapkan matlamat kewangan mengikut jangka masa :
  - **MATLAMAT JANGKA PENDEK**
    - Kurang daripada 1 tahun
    - Contoh : pembelian pakaian sukan, basikal
  - **MATLAMAT JANGKA SEDERHANA**
    - Antara 1 tahun hingga 5 tahun
    - Contoh : pembelian computer, telefon
  - **MATLAMAT JANGKA PANJANG**
    - Lebih daripada 5 tahun
    - Contoh : simpanan untuk persaraan, Pendidikan anak
- Tempoh masa matlamat kewangan dicapai bergantung kepada simpanan bulanan
- Keperluan mestilah diutamakan daripada kehendak semasa menentukan matlamat kewangan
  - Keperluan : makanan, tempat tinggal dan pakaian
  - Kehendak : keinginan untuk menjalani kehidupan mewah seperti pembelian barang kemas dan mengadakan sambutan hari jadi di hotel

**S**

## SPESIFIK ( KHUSUS)

- Matlamat mestilah tepat dan jelas agar mudah dikenal pasti dan difahami

**M**

## MEASURABLE (BOLEH DIUKUR)

- Matlamat mestilah dapat diukur, dipantau dan direkodkan

**A**

## ATTAINABLE (BOLEH DICAPAI)

- Matlamat mestilah mempunyai peluang untuk dicapai

**R**

## REALISTIC (REALISTIK)

- Matlamat mestilah munasabah untuk dicapai

**T**

## TIME BOUND (JANGKA MASA DITETAPKAN)

- Matlamat mestilah mempunyai tempoh masa yang jelas

## MENILAI KEDUDUKAN KEWANGAN

- Kedudukan kewangan dinilai berdasarkan aset yang dimiliki dan liabiliti yang ditanggung
- Aset terdiri daripada wang tunai atau simpanan, saham syarikat atau pelaburan hartanah
- Liabiliti yang ditanggung merujuk kepada semua jenis pinjaman, hutang kad kredit, bil utiliti dan sewa rumah

## MEWUJUDKAN PELAN KEWANGAN

- Komponen penting dalam membina pelan kewangan ialah sumber pendapatan dan perbelanjaan
- Pendapatan merupakan aliran tunai masuk yang terdiri daripada :
  - Pendapatan aktif – pendapatan utama seperti gaji bulanan, elaun dan komisen
  - Pendapatan pasif – pendapatan sampingan seperti dividen yang diterima dan sewa yang diterima
- Perbelanjaan merupakan aliran tunai keluar yang terdiri daripada :
  - Perbelanjaan tetap – perbelanjaan yang mesti dibayar seperti ansuran rumah dan insurans
  - Perbelanjaan tidak tetap – perbelanjaan yang berubah setiap bulan seperti barangan dapur dan bil elektrik
- Aliran tunai positif wujud apabila jumlah pendapatan > jumlah perbelanjaan
- Aliran tunai negatif wujud apabila jumlah pendapatan < jumlah perbelanjaan

## MELAKSANAKAN PELAN KEWANGAN

- Semasa melaksanakan pelan kewangan, seseorang individu hendaklah
  - mengikut pelan kewangan yang telah dirancang
  - bersedia membuat perubahan terhadap perbelanjaan sebenar supaya mengikut perbelanjaan yang dirancang bagi mendapatkan aliran tunai positif
- Pelan kewangan hanya akan berjaya jika dilaksanakan dengan disiplin, sabar dan fleksibel

## MENKAKAJI SEMULA DAN MENYEMAK KEMAJUAN

- Semak kemajuan pelaksanaan pelan kewangan yang dirancang dari semasa ke semasa bagi memastikan aliran tunai sentiasa positif
- Jika terdapat aliran tunai negatif,
  - semak semula perbelanjaan sebenar
  - elakkan daripada menggunakan dana kecemasan kecuali terpaksa
  - kurangkan perbelanjaan tidak tetap seperti hiburan
- Ubah matlamat kewangan jika matlamat itu tidak realistik dengan pendapatan bulanan

## MEMBINA DAN MEMBENTANG PELAN KEWANGAN PERIBADI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT KEWANGAN

PELAN KEWANGAN	ANGGARAN (RM)	SEBENAR (RM)
Pendapatan bulanan Pendapatan Aktif Pendapatan pasif	-	-
Jumlah pendapatan bulanan	-	-
Baki pendapatan	-	-
Tolak perbelanjaan tetap	-	-
Tolak perbelanjaan tidak tetap	-	-
Jumlah perbelanjaan tetap dan tidak tetap	-	-
Lebihan ( Defisit )	-	-

- Untuk mencapai matlamat kewangan sama ada jangka pendek atau panjang, perlulah membina dan membentangkan pelan kewangan
- Lebihan tunai diperoleh apabila jumlah pendapatan melebihi jumlah perbelanjaan
- Defisit tunai dialami apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah pendapatan